**NPSB** telah memperolehi hakmilik sementara tapak cadangan projek di H.S.(D): 1684, 1685 & 1686 pada 3hb September 2006 daripada **Kerajaan Negeri Kelantan** yang terletak di PT 5426, 5428 dan 5429 untuk tempoh selama enam puluh enam (66) tahun. **NPSB** melalui juru perunding **EIA, I.Z. EnvironMind Sdn Bhd (IZE)** telah mendapat maklum balas **Penapisan Awal Tapak (PAT)** daripada **JAS Negeri Kelantan** menerusi surat ruj: AS(B)D11/123/000/076(3) pada 14hb April 2015. Kajian **PEIA** telah dilaksanakan dengan mengambil kira kesan yang mungkin berlaku sepanjang aktiviti pembangunan iaitu bermula dari kerja-kerja penyediaan tapak, penanaman, penyelenggaraan, penuaian hinggalah penanaman semula pokok kelapa sawit di kawasan cadangan tapak projek. Garis panduan dalam mengatasi dan mengawal kesan yang mungkin berlaku turut dicadangkan untuk dilaksanakan oleh pihak pemaju bagi mengurangkan, mengawal dan mengatasi kesan yang mungkin dan telah berlaku ketika aktiviti pembangunan di kawasan cadangan projek penanaman pokok kelapa sawit ini. Objektif utama **NPSB** adalah untuk bersama-sama dengan **Kerajaan Negeri Kelantan** dalam usaha mengembangkan dan memajukan status ekonomi negeri melalui projek-projek berasaskan pertanian. Sebarang pertanyaan mengenai cadangan projek boleh diajukan kepada pegawai yang berkaitan seperti yang dinyatakan.



**Haji Zaidi Bin Zin CPESC, CESSWI**  
**Pengarah Urusan**

I.Z. EnvironMind Sdn Bhd (554712-W)

Lot 1207 (1<sup>st</sup> Floor), Section 52, Jalan Guchil Bayam, 15200 Kota Bharu, Kelantan D.N.

Tel: 09-7666 490

Faks: 09-7666 491

H/P: 019-2773 497

Email: izesb2008@yahoo.com

**NPSB** pada asalnya dikenali sebagai **Fixmax Engineering Sdn Bhd** dan **Nexsyn Renewables Sdn Bhd** yang telah ditubuhkan di Malaysia pada 29hb Mei 2012. Pada 21hb Mac 2013 **Fixmax Engineering Sdn Bhd** telah menukar nama kepada **Nexsyn Renewables Sdn Bhd** dan kemudiannya sekali lagi menukar nama kepada **Nexsyn Plantation Sdn Bhd** pada 9hb Julai 2014. **NPSB** telah didaftarkan di alamat **No. 79A, Jalan SS 21/37, Damansara Utama, 47400 Petaling Jaya, Selangor D.E.** Walau bagaimanapun, untuk sebarang urusan rasmi, **NPSB** telah menggunakan alamat **B-6-16, Block B, Oasis Square, No. 2, Jalan PJU 1A/7A, Ara Damansara, 47301 Petaling Jaya, Selangor D.E.** Pihak **NPSB** telah memperolehi tapak cadangan projek daripada **Kerajaan Negeri Kelantan** pada 3hb September 2006 melalui pajakan selama enam puluh enam (66) tahun. **NPSB** bertanggungjawab untuk membangunkan tanah berkeluasan kira-kira 2,363.974 ekar (956.67 hektar) di PT 5426, 5428 & 5429, Mukim Ulu Nenggiri, Daerah Bertam, Jajahan Gua Musang, Kelantan D.N. bagi cadangan projek penanaman pokok kelapa sawit mengikut terma dan syarat yang dipersetujui oleh dua (2) pihak (**NPSB** dan **Kerajaan Negeri Kelantan**) (rujuk '**Figure 1.0**'). Secara keseluruhan, tapak cadangan projek terbahagi kepada dua (2) bahagian yang dikenali sebagai cadangan **Tapak Projek A** dan **B**. Kawasan cadangan tapak projek secara amnya adalah sebahagian daripada inisiatif **Kerajaan Negeri Kelantan** dalam mempromosi ladang kelapa sawit di samping untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam industri pertanian di **Negeri Kelantan**.

Maklumat yang diperolehi daripada **Jabatan Pengairan & Saliran (JPS)** dan **Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) Jajahan Gua Musang** mendapati loji rawatan air yang paling terdekat adalah Loji Rawatan Air Panggung Lalat yang terletak kira-kira 65.9 km daripada tapak cadangan projek. Terdapat loji rawatan air yang baru yang telah dibina untuk kawasan Lojing yang dikenali sebagai Loji Rawatan Air Lojing yang terletak kira-kira 18.4 km daripada cadangan tapak projek. Maklumat yang diperolehi dari pihak **JAKOA Negeri Kelantan & Terengganu** mendapati terdapat tujuh (7) tandak air yang berada dalam lingkungan 5.0 km dari kawasan cadangan tapak projek yang mana membekalkan air kepada komuniti Orang Asli Kg Insept, Kg Jelgek, Kg Jekjok, Kg Kingkong, Kg Brooke Lama, Kg Sangwai, Kg Jedip, Kg Chekau dan Kg Sengsang. Pemerhatian semasa kerja lapangan mendapati terdapat tandak yang air dijumpai di Sg Awek yang terletak di **Blok B39**, bahagian utara dalam kawasan cadangan **Tapak Projek B**. Tandak air ini digunakan bagi membekalkan sumber air untuk kegunaan harian Orang Asli Kg Insept dan Orang Asli Kg Jelgek. Cadangan projek penanaman pokok kelapa sawit yang dijalankan di **Blok B35, B36, B37, B38, B39** dan **B42**, dijangka akan mendatangkan kesan kepada kualiti air di Sg Awek dan juga sistem tandak air. Terdapat sebelas (11) komuniti Orang Asli yang terletak dalam lingkungan 5.0 km dari tapak cadangan projek yang dikenali sebagai Orang Asli Pos Brooke (Kg Mengrod, Kg Insept, Kg Jelgek, Kg Jekjok, Kg Kingkong, Kg Chekau, Kg Jedip, Kg Brooke Lama, Kg Sengsang, Kg Sangwai) dan komuniti Orang Asli Pos Hendrop. Kawasan komuniti Orang Asli yang paling hampir dengan kawasan cadangan tapak projek ialah Orang Asli Kg Mengrod (kira-kira 0.3 km), Orang Asli Kg Insept (kira-kira 0.5 km) dan Orang Asli Kg Jelgek (kira-kira 0.6 km). Dalam pada itu, terdapat tiga (3) lokasi kolam air panas yang terletak kira-kira 0.3 km (barat laut di Sg Berok), 0.8 km (utara di Sg Ber) dan 2.8 km (tenggara di Sg Mering) yang terletak di luar kawasan cadangan **Tapak Projek A**. Kolam Air Panas Sg Ber (04° 42' 35.2" N, 101° 34' 12.3" E) adalah kolam air panas yang terpanas (72°C) di Negeri Kelantan.

Secara amnya, tapak cadangan projek terdiri dari dua (2) blok kawasan yang berbeza (cadangan **Tapak Projek A** dan **B**) yang terletak pada koordinat 04° 39' 09.9" N hingga 04° 42' 14.9" N dan 101° 31' 11.2" E hingga 101° 35' 03.7" E. Kawasan tapak projek adalah berbukit dan terdapat juga permukaan tanah rata di sesetengah kawasan iaitu berada pada ketinggian 260 hingga 920 meter dari aras laut (ASL). Kawasan yang paling tinggi terletak di bahagian barat cadangan **Tapak Projek B** dengan ketinggian sehingga 920 meter ASL manakala kawasan tanah rata pula terletak di bahagian timur laut cadangan **Tapak Projek A** iaitu pada ketinggian 260 meter dari aras laut (ASL). Kira-kira 17% (162.63 ha) kawasan cadangan tapak projek berada pada ketinggian kurang daripada 300 meter dari aras laut dimana merupakan kawasan beralun dan baki sebanyak 83% (794.04 ha) berada pada ketinggian melebihi 300 meter dimana merupakan kawasan tanah tinggi. Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan mendapati kira-kira 315.70 ha adalah kawasan yang mempunyai kecerunan > 25° manakala 640.97 ha mempunyai berkecerunan < 25°. Berdasarkan

kepada **Jabatan Pertanian Negeri Kelantan**, sebarang aktiviti tidak boleh dijalankan di kawasan yang mempunyai kecerunan melebihi 25°. Dan berdasarkan kepada '**Garis Panduan Pembangunan Di Kawasan Tanah Lojing, 2005**', sebarang aktiviti tidak boleh dijalankan di semua kawasan yang mempunyai kecerunan melebihi 35°. Maklumat yang diperolehi daripada **Jabatan Mineral & Geosains Negeri Kelantan** mendapati kawasan cadangan tapak projek adalah terletak di luar kawasan potensi emas. Kawasan potensi emas yang paling hampir adalah kira-kira berada 10.3 km timur dari kawasan cadangan tapak projek. Berdasarkan kepada **Laporan Kesesuaian Tanah** yang dikeluarkan oleh **Jabatan Pertanian Negeri Kelantan**, mendapati kawasan cadangan tapak projek ini terdiri daripada empat (4) siri tanah yang berbeza iaitu Siri Batang Merbau, Siri Rengam, Siri Tai Tak dan Tanah Curam. Berdasarkan analisis, 118.24 ha (12.36%) kawasan cadangan tapak projek terdiri daripada Siri Batang Merbau, 215.73 ha (22.55%) kawasan kajian terdiri daripada Siri Rengam dan 118.82 ha (12.42%) terdiri daripada Siri Tai Tak. Manakala Tanah Sangat Curam mendominasi kawasan cadangan tapak projek sebanyak 503.88 ha meliputi kira-kira 52.67% daripada keseluruhan kawasan cadangan tapak projek. Berdasarkan analisis yang dijalankan oleh **Jabatan Pertanian Negeri Kelantan**, sebanyak 288.25 ha (30.13%) didapati sederhana sesuai bagi cadangan penanaman pokok kelapa sawit. Manakala baki selebihnya sebanyak 668.42 ha (69.87%) pula diklasifikasikan sebagai 'Curam dan Sangat Curam' dimana tiada sebarang aktiviti pertanian dibenarkan untuk dijalankan di kawasan ini. Kawasan cadangan tapak projek terletak di kawasan yang diklasifikasikan sebagai **Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap 1, 2 dan Tahap 3**. Berdasarkan kepada **Rancangan Struktur Negeri Kelantan 2020 (RSNK 2020)** dan **Rancangan Tempatan Jajahan Gua Musang 2020 (RTJGM 2020)**, kawasan cadangan tapak projek terletak di tanah kerajaan Negeri dan dikelilingi oleh **HSK Lojing, HSK Sg Betis dan HSK Sg Berok** (rujuk '**Figure 2.0**'). Berdasarkan kepada **Garis Panduan Pembangunan Kawasan Tanah Tinggi Lojing, 2005**, kawasan ini terdiri daripada **Kelas I, II, III dan IV**. Kawasan cadangan tapak projek (**Tapak Projek A dan B**) sebelum ini juga didapati telah mengalami pelbagai aktiviti pembalakan yang dijalankan oleh kontraktor balak sebelum ini yang mempunyai lesen daripada **Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan**. Terdapat pelbagai projek pertanian yang telah dibangunkan di sekitar kawasan cadangan tapak projek iaitu **Pandan Klasik Sdn Bhd** (kelapa sawit), **Ladang MJB** (getah klon balak & kelapa sawit), **Zenxin Agri-Organic Food Sdn Bhd** (kelapa sawit), **Koperasi Pembangunan Pulau Lumut Bhd** (kelapa sawit), **TJ Natural Agro Farm (M) Sdn Bhd** (sayuran) and **Ratus Premium Sdn Bhd** (sayuran) (rujuk '**Figure 3.0**').

Kawasan cadangan tapak projek terletak kira-kira 0.3 km selatan dan timur kawasan komuniti Orang Asli Kg Mengrod, 0.5 km selatan kawasan komuniti Orang Asli Kg Insept, 0.6 km selatan kawasan komuniti Orang Asli Kg Jelgek, 0.9 km timur kawasan komuniti Orang Asli Kg Jekjok, 1.4 km kawasan komuniti Orang Asli Kg Pos Hendrop, 2.0 km tenggara kawasan komuniti Orang Asli Kg Kingkong, 3.0 km timur kawasan komuniti Orang Asli Kg Chekau, 3.1 km timur kawasan komuniti Orang Asli Kg Jedip, 3.7 km timur kawasan komuniti Orang Asli Kg Brooke Lama, 3.8 km timur kawasan komuniti Orang Asli Pos Brooke, 4.1 km timur laut kawasan komuniti Orang Asli Kg Sembang, 4.8 km timur laut kawasan komuniti Orang Asli Kg Sangwai, 5.4 km timur kawasan komuniti Orang Asli Kg Kuala Rengit, 5.7 km timur laut kawasan komuniti Orang Asli Kg Sangwai Besar, 8.6 km timur laut Pejabat Kawalselia Lojing, 8.9 km timur laut kawasan komuniti Orang Asli Kg Sigar, 13.6 km timur laut kawasan komuniti Orang Asli Kg Penangau, 15.6 km timur laut kawasan komuniti Kg Raja, 24.2 km timur laut bandar Cameron Highlands, 31.7 km barat daya kawasan komuniti Orang Asli Kuala Betis, 45.9 km barat daya bandar Gua Musang, 50.5 km timur bandar Ipoh, 64.5 km tenggara bandar Kuala Kangsar, 77.6 km barat laut bandar Kuala Lipis, 88.0 km barat daya kawasan komuniti Dabong, 115.0 km selatan bandar Jeli, 116.0 km barat daya bandar Kuala Krai, 138.0 km barat daya bandar Tanah Merah dan 172.0 km barat daya bandar Kota Bharu.

Cadangan projek ini dijangka akan mendatangkan kesan kepada alam sekitar terutamanya semasa peringkat awal pembangunan. Impak-impak yang akan terhasil dari pelaksanaan cadangan projek penanaman pokok kelapa sawit ini telah diramal dan dikenalpasti merangkumi hakisan tanah, pemendapan tanah, pencemaran air, pencemaran udara, pencemaran bunyi, pelupusan sampah, pelupusan bahan buangan terjadual, kesesakan lalu lintas, ekologi (flora dan fauna), penyakit, kesihatan, keselamatan dan sosio-ekonomi. Penerangan tentang impak-impak yang dijangkakan ada dijelaskan secara komprehensif di dalam **Bab 7.0** sementara impak-impak lebih dibincangkan di dalam **Bab 9.0**. Aktiviti-aktiviti yang dijangka biasa mendatangkan kesan adalah semasa penyediaan tapak, penanaman serta penyelenggaraan. Berdasarkan pelbagai impak yang telah dinilai, pelbagai langkah kawalan telah dicadangkan untuk mengawal, mengurangkan dan seterusnya menyelesaikan masalah-masalah yang dijangka akan berlaku semasa pelaksanaan cadangan projek penanaman pokok kelapa sawit ini. Penjelasan secara terperinci bagi langkah-langkah kawalan yang perlu dilaksanakan oleh pihak **NPSB** telah dibincangkan di dalam **Bab 8.0** laporan **PEIA** ini. Kawasan cadangan tapak projek boleh dilalui menggunakan Lebuhraya Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang yang terletak kira-kira 2.4 km (di bahagian timur laut kawasan **Tapak Projek A**) dan 0.6 km (di bahagian utara kawasan

**Tapak Projek B).** Kedua-dua jalan menuju kawasan cadangan **Tapak Projek A** dan **B** ini melalui jalan ladang sedia ada. Data bancian lalu lintas yang telah dijalankan pada tahun 2013, 2014 dan 2015 digunapakai dan didapati sebanyak **671** buah kenderaan (kereta, lori, traktor, pacuan empat roda, motosikal, bas dan lain-lain) menggunakan Lebuhraya Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang pada waktu siang setiap hari.

Pelaksanaan cadangan projek penanaman pokok kelapa sawit ini dijangka pada peringkat awalnya akan mendatangkan kesan kepada kualiti air sungai yang terletak di dalam dan di sekitar kawasan cadangan tapak projek. Penyumbang utama bagi pencemaran kualiti air adalah berpunca dari hakisan tanah, kumbahan dari rumah pekerja serta penggunaan baja dan bahan kimia bagi tujuan pertanian. Tanah-tanah yang terhakis akan mengalir ke sungai-sungai berdekatan semasa hujan lebat dan seterusnya memberi kesan kepada kualiti air di sungai-sungai tersebut. Sisa-sisa kumbahan dan hakisan akan meningkatkan kadar pertumbuhan alga dan rumpai dalam punca bekalan air sekiranya tiada langkah kawalan dilaksanakan. Sisa-sisa kumbahan dan hakisan yang mengandungi nilai nutrient yang tinggi akan mempercepatkan pertumbuhan alga. Berdasarkan maklumat analisis, kesemua aliran air sungai yang terdapat dalam kawasan tapak cadangan projek akhirnya mengalir ke Sg Chakop, Sg Awek, Sg Senyul, Sg Mengrod, Sg Cherkho, Sg Reloi, Sg Telai dan Sg Mering sebelum mengalir ke sungai utama iaitu Sg Berok yang berada di bahagian utara kawasan cadangan tapak projek. Sampel air sungai di kawasan tapak cadangan projek dan kawasan sekitarnya diambil bagi menentukan parameter asas kualiti air seperti kandungan pH, oksigen terlarut, suhu, keperluan oksigen biokimia, keperluan oksigen kimia, pepejal terampai, kekeruhan, nitrogen ammonia, E-Coli, besi, mangan, zink, fosforus, nitrat, sulfide dan minyak & gris. Dua puluh tujuh (27) sampel air sungai yang terletak di dalam dan sekitar kawasan cadangan tapak projek telah dikenalpasti iaitu di Sg A, B, C, D, E, F, G, H, I, Sg Mengrod, Sg Senyul, Sg Berok, Sg Awek, Sg Telai, Sg Ber dan Sg Cherkho. Berdasarkan kepada **Indek Kualiti Air Jabatan Alam Sekitar**, kesemua dua puluh tujuh (27) sampel air sungai didapati berada dalam kategori "**Bersih**". Berdasarkan keputusan analisis, stesen persampelan didapati berada dalam **Kelas I (W2, W3, W8, W21, W22, W23, W24, W25, W26 dan W27)** dan **Kelas II (W1, W4, W5, W6, W7, W9, W10, W11, W12, W13, W14, W15, W16, W17, W18, W19 dan W20)**. Pemantauan kualiti udara dan bunyi bising juga telah dijalankan di sebelas (11) stesen persampelan. Data kualiti udara yang diperolehi dari kajian **PEIA** ini mendapati bahawa semua parameter yang terlibat iaitu Partikel Terampai (TSP), Sulfur Dioksida (SO<sub>2</sub>), Nitrogen Dioksida (NO<sub>2</sub>), Karbon Monoksida (CO), Ozon (O<sub>3</sub>), Ammonia (NH<sub>3</sub>) dan Hidrogen Sulfid (H<sub>2</sub>S) berada pada paras yang ditetapkan oleh **Garis Panduan Kualiti Udara di Malaysia**. Paras bunyi bising yang direkodkan di kawasan tapak cadangan projek adalah antara 57.2 hingga 74.9 dBA. Tahap bunyi bising yang direkodkan bagi stesen persampelan **N2, N4, N5, N6, N7, N8 dan N11** berada di bawah 65 dBA (waktu siang) manakala stesen persampelan **N1, N3, N9 dan N10** merekodkan nilai bacaan 69.2, 68.4, 74.9 dan 66.7 dBA. melebihi tahap bunyi bising yang ditetapkan iaitu 65 dBA (waktu siang). Tahap bunyi bising yang tinggi adalah dijangka terhasil daripada penggunaan jalan ladang sediaada oleh kawasan ladang bersebelahan memandangkan stesen persampelan bagi **N9 dan N10** ditetapkan berhampiran dengan jalan balak sediaada.

Pihak **NPSB** juga dikehendaki mengekalkan kawasan zon penampungan sungai sekurang-kurangnya 20.0 meter (kedua-dua bahagian) bagi semua sungai dan anak sungai yang terdapat dalam kawasan cadangan tapak projek. Dan bagi sungai yang terdapat di sempadan kawasan cadangan tapak projek pula sekurang-kurangnya 30.0 meter (satu bahagian) zon penampungan sungai perlu dikekalkan. Dan bagi sungai utama (Sg Berok) garis panduan zon penampungan sungai daripada **JPS** perlu dipatuhi (rujuk '**Figure 4.0**'). Kawasan penampungan hendaklah dikekalkan pokok-pokok sediaada, tumbuhan semulajadi, pokok-pokok renek dan tumbuhan penutup bumi. Pihak pemaju projek disarankan untuk mematuhi **Garis Panduan untuk Zon Penampungan Sungai** yang dikeluarkan oleh **JPS** dalam membangunkan kawasan penampungan semulajadi di mana-mana sungai yang terdapat di dalam atau berdekatan sempadan kawasan cadangan tapak projek. Ini akan mengelakkan atau meminimumkan pergerakan mendapan atau kelodak dari terus dialirkan ke anak-anak sungai dan sungai-sungai yang terdapat di dalam dan disekitar kawasan cadangan tapak projek. Kira-kira **103.26 ha (10.7%)** zon penampungan sungai telah dicadangkan untuk dikekalkan di sungai-sungai terpilih. Kolam mendapan, perparitan lencongan serta lain-lain langkah kawalan hendaklah dibina di lokasi-lokasi yang dicadangkan sebelum kerja-kerja pembersihan kawasan dijalankan oleh pihak pemaju projek. Kolam mendapan, longkang tanah, tapak lokasi khusus lebih tanah serta lain-lain langkah kawalan haruslah diurus serta diselenggara dengan berkala oleh pihak **NPSB**. Kira-kira **5,200 meter** perparitan lencongan dicadangkan dibina selepas zon penampungan dibina. Ianya bagi mengelak berlakunya mendapan dari terus mengalir ke sungai. Pembinaan kolam perangkap mendapan dicadangkan untuk dibina sebelum kerja pembersihan dan kerja tanah dilakukan. Sebanyak **lima (5)** unit kolam perangkap mendapan dicadangkan untuk dibina oleh pihak **NPSB** untuk mengelak berlakunya hakisan dalam kawasan cadangan tapak projek. Manakala 'check dam' pula dibina untuk sementara waktu merentasi longkang pintasan bagi mengurangkan kelajuan air ketika hujan lebat serta bagi mengurangkan kadar hakisan.

Sebanyak **dua puluh lapan (28)** unit 'check dam' telah dicadangkan untuk dibina di kawasan cadangan tapak projek. Struktur-struktur kawalan hakisan ini akan betul-betul berkesan sekiranya kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan secara berterusan seperti disarankan dalam laporan **PEIA**

Hakisan tanah dan kelodakan merupakan salah satu daripada isu utama yang kebiasaannya berlaku dalam setiap projek pertanian. Masalah ini walaubagaimanapun boleh dikawal, dikurangkan dan dielak oleh pihak **NPSB** melalui pelbagai langkah seperti yang dicadangkan dalam laporan **PEIA**. Pihak **NPSB** dicadangkan agar melantik **EMO** atau **PEO** untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan seperti yang dicadangkan oleh pihak perunding, **JAS Negeri Kelantan** dan lain-lain agensi yang berkaitan. Pemaju projek hendaklah melaksanakan setiap langkah kawalan dengan kadar segera seperti mengurangkan tempoh masa permukaan cerun daripada terdedah, mempercepatkan proses penanaman tanaman penutup bumi dan lain-lain. **NPSB** hendaklah menjalankan kerja-kerja pembangunan secara berperingkat seperti yang dicadangkan dalam laporan ini. Seperti yang telah dicadangkan, pembangunan di kawasan cadangan tapak projek akan dimulakan di **Fasa 1** (Blok B1, B2, B3, B4 & B5 – 102.52 ha) kemudian diikuti **Fasa 2** (Blok B6, B7, B8 & B9 – 89.26 Ha). Setelah siap, pembangunan akan diteruskan di **Fasa 3** (Blok B10, B11, B12 & B13 – 93.38 Ha), **Fasa 4** (Blok B14, B15, B16 & B17 – 95.80 ha), **Fasa 5** (Blok B18, B19, B20 & B21 – 99.25 ha), **Fasa 6** (B22, B23, B24 & B25 – 82.43 ha), **Fasa 7** (B26, B27, B28, B29, & B30 – 105.40 ha), **Fasa 8** (B31, B32, B33, B34, B35 (sebahagian) & B36 (sebahagian) – 93.03 ha dan akhirnya diikuti dengan **Fasa 9** (B37 (sebahagian), B38 (sebahagian), B40, B41, B42 (sebahagian), B43, B44 & B45 – 129.40 ha). Aktiviti pembangunan dicadangkan untuk dijalankan secara berperingkat adalah bagi mengelakkan permukaan tanah terdedah untuk tempoh yang lama dan sekaligus bagi mengurangkan kadar hakisan permukaan tanah di dalam kawasan cadangan tapak projek. Sekiranya pembangunan secara berperingkat dijalankan maka potensi berlakunya hakisan permukaan tanah yang berpunca daripada permukaan tanah yang terdedah dapat dikurangkan. Walau bagaimanapun, fasa yang dicadangkan untuk aktiviti pembangunan akan berubah setelah aktiviti pembangunan dijalankan kelak dan penjelasan lebih lanjut di setiap fasa akan diterangkan di dalam dokumen **EMP**. Sebarang perubahan fasa pembangunan hendaklah dimaklumkan kepada pihak **JAS Negeri Kelantan** sebelum sebarang kerja-kerja penanaman dijalankan di kawasan cadangan tapak projek.

Penggunaan jentera berat, kenderaan (lori, trak, jentolak, traktor, trak pelupusan tanah, dan sebagainya) dan peralatan (alat janakuasa, pam air dan tangki simpanan bahan api cecair) ketika cadangan penanaman pokok kelapa sawit ini akan menghasilkan masalah buangan terjadual. Kegagalan untuk mengendalikan dan menguruskan sisa minyak dengan sewajarnya akan menyebabkan berlakunya masalah tumpahan minyak yang boleh menjejaskan sumber air yang berdekatan. Masalah ini boleh menjadi lebih buruk semasa musim hujan di mana minyak & gris akan meresap dan mengalir ke sungai berdekatan. Pam air, tangki simpanan bahan api cecair dan alat janakuasa yang terdapat di dalam kawasan cadangan tapak projek hendaklah dibina benteng di sekelilingnya bagi mengawal tumpahan minyak serta menghalang dari mengalir secara terus ke sungai berdekatan. Sisa minyak & gris ini akan menghalang oksigen dari mudah terlarut di dalam air. Ini akan menyebabkan oksigen terlarut di dalam air berkurangan dan menjejaskan hidupan organisma mikro dan akuatik. Semua sisa minyak serta buangan terjadual hendaklah disimpan di tempat penyimpanan yang ditetapkan dan dilengkapi dengan sistem papan tanda keselamatan. Pelabelan pada setiap bekas yang mengandungi buangan terjadual hendaklah dibuat mengikut **Peraturan 10 – Pelabelan Bahan Buangan Terjadual** iaitu mengandungi maklumat berhubung dengan tarikh bila buangan terjadual dihasilkan buat kali pertama, nama, alamat dan nombor telefon pengeluar buangan terjadual tersebut. Pihak **NPSB** hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada **JAS Negeri Kelantan** berkenaan dengan penghasilan buangan terjadual di tapak cadangan projek. Pihak **NPSB** juga perlu menyediakan inventori penghasilan buangan terjadual untuk dikemukakan kepada **JAS Negeri Kelantan**. Maklumat berhubung penghasilan buangan terjadual perlu dikemaskini secara berkala dan dikemukakan kepada **JAS Negeri Kelantan** melalui '**E-Consignment Note (ECN)**'. Pendaftaran bagi permohonan ini boleh menggunakan '<http://eswis.doe.gov.my>'.

Cadangan projek penanaman pokok kelapa sawit ini juga akan memberi kesan terhadap kesihatan terutamanya semasa berlaku wabak penyakit berjangkit di dalam dan di sekitar kawasan cadangan tapak projek. Penyakit berjangkit yang kebiasaannya berkaitan dengan aktiviti perladangan ialah malaria dan taun. Penggunaan kelambu berubat juga boleh membendung penularan malaria. Jajahan Gua Musang merekodkan kes malaria yang tertinggi pada tahun 2007, 2008, 2009, 2010, 2011, 2012, 2014 dan 2015. Sebanyak 100 kes malaria telah direkodkan setiap tahun bagi Jajahan Gua Musang bermula dari tahun 2008 hingga 2013. Peningkatan kes kencing tikus turut dilaporkan di Jajahan Gua Musang pada tahun 2014-2015. Disebabkan berlaku peningkatan penularan jangkitan penyakit di kawasan ini, beberapa langkah pencegahan mestilah dipraktikkan bagi mengelakkan berlaku ancaman

wabak penyakit di kawasan cadangan tapak projek. Maklumat yang diperoleh daripada **Pejabat Kesihatan Cameron Highlands** menunjukkan kawasan Cameron Highlands hanya merekodkan satu (1) kes demam denggi sahaja pada setiap tahun bagi tahun 2009, 2010 dan 2011. Pada bulan Mac 2012, tiada sebarang kes malaria direkodkan di kawasan Cameron Highlands. Walau bagaimanapun, 9 kes malaria direkodkan pada tahun 2011 di kawasan Cameron Highlands jika dibandingkan pada tahun 2010 sebanyak 4 kes dan 2009 sebanyak 2 kes. Disebabkan berlaku peningkatan penularan jangkitan penyakit di kawasan ini, beberapa langkah pencegahan mestilah dipraktikkan bagi mengelakkan berlaku ancaman wabak penyakit di kawasan cadangan tapak projek. Sebarang tanda-tanda penularan penyakit berjangkit hendaklah segera merujuk kepada pusat kesihatan atau **Jabatan Kesihatan** yang berdekatan. Pihak **NPSB** dicadangkan agar melantik **EMO** atau **PEO** dan **Pegawai Keselamatan & Kesihatan (SHO)** untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan bagi projek ini. Hubungan yang baik antara pihak **NPSB** dengan **Jabatan Kesihatan** serta **Hospital** yang terletak di Gua Musang dan Kuala Krai hendaklah diwujudkan dan dikekalkan bagi mendapat bantuan yang segera sekiranya terdapat sebarang masalah wabak penyakit. Selain itu, pihak **NPSB** juga disarankan untuk menyediakan **Pelan Tindakan Kecemasan (Emergency Response Plan – ERP)** bagi tujuan menghadapi keadaan kecemasan di luar jangkaan yang mungkin berlaku di kawasan tapak cadangan projek. Selain itu, pihak pemaju hendaklah menyediakan kemudahan asas kesihatan di tapak untuk mengawal penyakit. Pemeriksaan kesihatan secara berkala terhadap pekerja perlu dijalankan agar tindakan segera dapat diambil untuk mengawal sebarang penyebaran wabak di kawasan tapak cadangan projek. Rekod pemeriksaan perlu dicatatkan dalam buku log oleh pihak pengurusan ladang sebagai langkah kawalan.

Cadangan projek penanaman pokok kelapa sawit yang akan dijalankan ini akan menyebabkan kehilangan kekal terhadap keseluruhan flora termasuk kemusnahan pokok-pokok, gangguan terhadap habitat serta kehilangan biodiversiti. Hal ini seterusnya mengakibatkan kehilangan habitat flora dan fauna serta penghijrahan hidupan liar ke tempat yang baru. Kesan tersebut berkemungkinan bersifat kekal dan sukar untuk kembali kepada keadaan sediaada walaupun aktiviti perladangan telah siap sepenuhnya. Kawasan hutan semulajadi berdekatan akan menjadi tempat persinggahan hidupan liar yang telah kehilangan habitat asal akibat dari pelaksanaan cadangan projek penanaman pokok kelapa sawit ini. Pembersihan kawasan secara berfasa akan dapat memberi masa yang cukup serta membantu hidupan liar ini untuk berpindah ke habitat yang baru (hutan berdekatan) dengan impak yang minima. Ini juga boleh mengelakkan hidupan liar dari terperangkap semasa cadangan projek ini dilaksanakan. Bagi mengurangkan, mengawal dan menangani kesan-kesan yang mungkin berlaku terhadap hidupan liar yang terdapat di dalam dan disekeliling kawasan cadangan tapak projek ketika pelaksanaan cadangan projek penanaman pokok kelapa sawit ini, pihak **NPSB** disyorkan untuk berunding dan melaksanakan langkah-langkah mitigasi dan garis panduan yang dikeluarkan oleh **Jabatan Perlindungan Hidupan Liar & Taman Negara (PERHILITAN)** sepertimana yang digariskan dalam laporan **PEIA** ini. Terdapat kira-kira 4 hingga 6 ekor gajah di kawasan **HSK Sungai Berok**. Berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada **PERHILITAN Gua Musang**, terdapat tiga (3) kes pencerobohan gajah telah direkodkan pada bulan Januari 2011, Jun 2011 dan Mei 2015 di Ladang Pandan Klasik, Kg Asli Kelait dan Ladang Malaysia Beijing Sdn Bhd. Berdasarkan kepada '**Master Plan**' **Jaringan Ekologi** atau lebih dikenali sebagai '**Central Forest Spine (CFS)**' yang diterbitkan oleh **Jabatan Perancang Bandar & Desa (JPBD)** mendapati bahawa kawasan cadangan tapak projek terletak di luar kawasan dari '**CFS**' iaitu kira-kira 3.6 km daripada **Jaringan Primer 3 (PL3)** (jaringan antara **HSK Lojing** dan **HSK Sg Berok**) seterusnya tidak akan menjejaskan jaringan ekologi primer dan sekunder. Pemaju projek disarankan agar membiarkan sisa-sisa dari aktiviti pembersihan kawasan mereput secara semulajadi. Sisa-sisa domestik harian pula hendaklah dibuang ke dalam tong sampah atau tempat pembuangan sampah yang telah disediakan di kawasan tapak cadangan projek. Pembakaran secara terbuka tidak boleh dijalankan (dilarang sama sekali) sama ada oleh pihak pemaju projek, kontraktor atau pembekal yang terlibat dalam aktiviti cadangan projek penanaman pokok kelapa sawit ini. Di bawah **Seksyen 29A dan 29B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974**, pembakaran secara terbuka adalah dilarang sama sekali, kecuali bagi aktiviti-aktiviti yang tertakluk di bawah **Akta Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Pembakaran Terbuka) 2000**. Sebarang pelanggaran boleh dikenakan tindakan oleh **JAS Negeri Kelantan** kepada pihak pemaju di bawah **Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974** iaitu kompaun sebanyak RM 500,000.00 atau lima (5) tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Bagi memastikan keberkesanan langkah kawalan alam sekitar sepanjang tempoh pelaksanaan projek, **Pelan EMP, Pelan ESCP**, kerja-kerja **EMR** secara berkala dan **EAE** meliputi kualiti air sungai, pengukuran bunyi bising, pemantauan kualiti udara, pengurusan sisa serta perubahan ekologi perlu dilaksanakan. **EMP** boleh ditakrifkan sebagai pengurusan alam sekitar untuk mengenalpasti kesan buruk yang akan terhasil dari pelaksanaan cadangan

projek penanaman pokok kelapa sawit bagi mengurangkan kesan negatif dan meningkatkan kesan positif. Dokumen **ESCP** perlu disediakan oleh **Profesional Berdaftar** untuk **Pelan Kawalan Hakisan & Kelodakan (CPESC)** dan hendaklah dikemukakan kepada **JPS Negeri Kelantan** untuk kelulusan. Dokumen **ESCP** yang telah diluluskan kemudiannya perlu dikemukakan kepada **JAS Negeri Kelantan** bagi mematuhi **Syarat-syarat Kelulusan PEIA**. **EMR** pula perlu dilaksanakan secara berkala semasa peringkat pembangunan projek bagi memantau sebarang impak yang mungkin berlaku terhadap alam sekeliling. **EMR** secara berkala perlu dilaksanakan semasa peringkat penyediaan tapak, penanaman, penyelenggaraan, penuaian dan penanaman semula. Ia perlu mengandungi jadual untuk pemeriksaan dan pelaporan berdasarkan pelaksanaan projek dan langkah-langkah kawalan yang telah dikenalpasti dalam laporan **PEIA**. Maklumat yang diperolehi dari pemantauan alam sekitar ini juga boleh digunakan untuk memahami hubungan sebab-akibat dan seterusnya membantu dalam pelaksanaan langkah-langkah kawalan yang lebih berkesan. **EMR** perlu dijalankan sehingga **JAS Negeri Kelantan** berpuas hati dengan segala komitmen serta usaha yang diberikan oleh pihak pemaju dalam menguruskan, mengurangkan dan mengawal masalah alam sekitar yang terhasil dari pelaksanaan projek. Pemaju projek juga dicadangkan untuk menyediakan **EAE**, iaitu memantau kerja-kerja pematuhan alam sekitar yang telah dijalankan di tapak projek. **EAE** ini dicadangkan untuk dilaksanakan **sekali setahun** semasa peringkat penyediaan tapak, penanaman dan penyelenggaraan oleh juru audit persendirian yang diiktiraf atau juru audit berdaftar.

Kebaikan daripada projek ini bukan sahaja kepada pihak pemaju tetapi juga kepada komuniti Orang Asli yang terdekat (Orang Asli Kg Mengrod, Orang Asli Kg Jelgek, Orang Asli Kg Insept dan Orang Asli kg Jekjok), Lojing, Daerah Bertam, Jajahan Gua Musang, Kelantan D.N. Kesan untuk jangka pendek pula bersifat setempat dan dijangkakan hanya pada peringkat awal sahaja. Dan berdasarkan kepada sepenuh komitmen dan usaha yang diberikan oleh pihak pemaju dan pihak yang terlibat (pemaju kecil, kontraktor, sub-kontraktor, perunding, pembekal dan lain-lain) dalam melaksanakan semua langkah kawalan dan juga **sistem penguatkuasaan yang dikeluarkan oleh badan kerajaan yang berkaitan**, segala kesan yang dijangkakan berlaku di kawasan cadangan tapak projek di setiap fasa perlu dikawal, dikurangkan dan diselesaikan. Oleh yang demikian, pihak pemaju disarankan agar menyediakan tempoh masa kerja untuk tempoh masa antara dua (2) hingga tiga (3) tahun bagi menjalankan kerja-kerja tanah sehingga peringkat penyelenggaraan. Pemulihan tanah yang berpotensi rendah kepada tanah yang berpotensi tinggi ini dapat mengawal pencerobohan dan pembalakan haram, mengelakkan hakisan tanah, mengekalkan kepelbagaian biologi serta pemuliharaan semula kawasan hutan. Keadaan ini akan mengurangkan kadar pencemaran sekaligus menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan bernilai tinggi. Ini juga akan menghalang alam sekitar daripada berterusan terjejas dan memberi kesan kepada ekosistem di dalam dan di sekitar kawasan cadangan tapak projek. Langkah kawalan berkesan serta garis panduan berkaitan dengan kepentingan alam sekitar perlu dinyatakan dengan jelas serta dijadikan sebagai **Dokumen Kontrak** atau **Kontrak Perjanjian** dengan pihak kontraktor, sub-kontraktor dan pembekal yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pelaksanaan cadangan projek penanaman pokok kelapa sawit ini. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, dapat disimpulkan bahawa cadangan projek penanaman kelapa sawit ini boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan oleh **NPSB** akan memberi pelbagai faedah kepada pihak-pihak yang terbabit secara langsung atau tidak langsung dengan pelaksanaan projek ini.